

# Keterbukaan tanpa kawalan dedah risiko besar keselamatan rakyat

- Gabungan tiga dimensi ini, iaitu serangan siber, pengaruh media dan jaringan transnasional memperlihatkan isu warga China di Malaysia tidak boleh dilihat hanya melalui insiden jenayah harian
- Gelombang insiden berlaku dalam tiga minggu ini wajar menjadi pengajaran kepada dasar negara. Kita tidak boleh hanya menjadi tuan rumah yang ramah, tetapi akhirnya terdedah kepada bahaya daripada tetamu yang tidak kita kenali



Oleh Dr Mohamed Rashid Ab Razak  
**bhrencana@bh.com.my**

Pensyarah Kanan  
 Jabatan  
 Undang-undang  
 Islam, Kulliyah  
 Undang-undang  
 Ahmad Ibrahim,  
 Universiti Islam  
 Antarabangsa  
 Malaysia (UIAM)

Dalam tempoh tiga minggu ini, Malaysia digemparkan dengan beberapa siri insiden membabitkan warga China. Bermula dengan kes tikaman di sebuah universiti swasta pada akhir Julai, dilanjutkan dengan penahanan dua lelaki kerana merangkul dron berhampiran Wisma Pertahanan, seorang wanita melanggar dan menikam orang awam di Kajang, ancaman terhadap aktivis anti-Parti Komunis China di Taman Connaught, Kajang dan seorang pegawai imigresen dicederakan seorang wanita warga China.

Rentetan insiden terbabit dalam masa begitu singkat menyebabkan persoalan adakah ia sekadar kebetulan atau tanda awal terhadap ancaman keselamatan lebih besar.

Malaysia sejak sekian lama membuka pintu kepada warga asing, khususnya melalui program pelaburan, pemilikan harta tanah dan skim Malaysia Rumah Kedua Ku.

Program ini memang memberi keuntungan ekonomi dengan menarik pelabur, pelajar antarabangsa serta pelancong jangka panjang. Namun, beberapa persoalan mendesak perlu dilihat:

- Adakah mekanisme saringan keselamatan dan latar belakang cukup ketat sebelum visa atau pasporting di negara ini diberikan.

- Adakah dasar keterbukaan ini pada masa sama turut menarik masuk individu berisiko dari segi jenayah, sosial atau ideologi.

- Bagaimana keseimbangan antara kepentingan ekonomi dan keselamatan nasional harus dicapai.

Walaupun majoriti pekerja asing di Malaysia datang dari Indonesia, Bangladesh dan Myanmar, warga China juga semakin ketara dalam sektor tertentu:

- Pembinaan - projek mega membabitkan kontraktor dari China sering membawa masuk tenaga kerja teknikal dari negara asal.

- Pembuatan - kilang milik pelabur China kerap mengimport jurutera dan pakar mereka sendiri.

- Perkhidmatan - restoran, pusat hiburan dan peruncitan dimiliki warga China semakin bertambah di bandar besar.

Kehadiran mereka tidak semestinya berkait langsung dengan insiden jenayah, namun ia menjadi latar sosial penting untuk memahami sensitiviti yang wujud dalam hubungan antara warga tempatan dan warga asing.

Selain insiden jenayah berlaku dalam ruang fizikal, Malaysia kini berhadapan dengan bentuk ancaman baharu lebih kompleks iaitu ancaman siber, pengaruh

media dan pertubuhan transnasional.

Pertama, dari segi ancaman siber, Malaysia merakodkan lebih 2,366 insiden siber dalam tempoh enam bulan pertama 2025, termasuk serangan ke atas infrastruktur kritis serta entiti swasta.

Peningkatan ini sebahagiannya dikaitkan dengan warga asing menjalankan operasi penggodaman berSkala besar bagi tujuan pengintipan dan sabotaj ekonomi.

#### Ancaman keselamatan babit ruang maya

Hal ini menunjukkan ancaman keselamatan tidak lagi berbentuk fizikal semata-mata, tetapi membabitkan ruang maya lebih sukar dikesan.

Kedua, aspek pengaruh media juga semakin ketara. Laporan *Freedom House* (2022) mendedahkan kewujudan 'ladang kandungan' beroperasi di Malaysia untuk menyebarkan naratif pro-Beijing.

Walaupun kandungannya sering kelihatan seperti berita biasa atau bahan media sosial yang tidak berbahaya, strategi halus ini mampu membentuk persepsi awam terhadap isu geopolitik tertentu.

Ada laporan media mengingatkan bahawa media tempatan berisiko dipengaruhi tekanan politik dan kempen luar yang sistematis, sekali gus melemahkan kebebasan wacana nasional.

Ketiga, dari sudut pertubuhan transnasional, laporan penyiasatan *The Washington Post* baru-baru ini, mendedahkan kewujudan pertubuhan diasporik seperti World Hongmen History and Culture Association.

**Gelombang insiden yang berlaku ini sebenarnya sebahagian daripada landskap keselamatan baharu yang memerlukan perhatian serius, bukan sahaja dari sudut penguatkuasaan undang-undang, tetapi dalam pembentukan dasar negara lebih strategik**

Pertubuhan ini secara zahirnya menampilkan imej budaya dan sosial, namun turut dikaitkan dengan kegiatan jenayah serta rangkaian geopolitik selari dengan kepentingan strategik Beijing.

Fenomena ini menimbulkan keimbangan bahawa jaringan diaspora boleh digunakan sebagai saluran pengaruh luar negara melemahkan integriti politik dan sosial Malaysia.

Gabungan tiga dimensi ini, iaitu serangan siber, pengaruh media dan jaringan transnasional memperlihatkan isu warga China di Malaysia tidak boleh dilihat hanya melalui insiden jenayah harian.

Ia sebenarnya sebahagian daripada landskap keselamatan baharu yang memerlukan perhatian serius, bukan sahaja dari sudut penguatkuasaan undang-undang, tetapi dalam pembentukan dasar negara lebih strategik.

Kebimbangan ini bukan sahaja dibincangkan dalam kalangan akademik, tetapi juga tokoh politik negara mendedahkan kemungkinan penyusupan warga China melalui pelbagai saluran.

Adakah lima insiden berturutan ini hanya kebetulan atau petunjuk awal terhadap cabaran lebih besar? Walau apapun jawapannya, negara tidak boleh mengambil sikap tunggu dan lihat.

Antara langkah wajar dipertimbangkan ialah:

- Memperketat saringan visa dan pas masuk warga asing, khususnya dari negara yang jumlah kemiskumannya semakin tinggi.

- Meningkatkan kawalan keselamatan siber melalui pasukan khas menangani ancaman digital.

- Menguatkuasakan pengawasan terhadap pertubuhan diasporik dan kegiatan komuniti asing yang berpotensi digunakan sebagai saluran pengaruh luar.

- Mengimbangi dasar pelaburan asing dengan kepentingan keselamatan nasional, supaya keterbukaan ekonomi tidak menjadi pintu masuk kepada ancaman subversif.

Malaysia sebagai negara terbuka dan berdaulat amat menghargai pelaburan, pendidikan dan hubungan antarabangsa. Namun, keterbukaan tanpa kawalan yang teliti boleh membawa risiko besar kepada keselamatan awam dan integriti nasional.

Gelombang insiden berlaku dalam tiga minggu ini wajar menjadi pengajaran kepada dasar negara. Kita tidak boleh hanya menjadi tuan rumah yang ramah, tetapi akhirnya terdedah kepada bahaya daripada tetamu yang tidak kita kenali.

Sudah tiba masanya dasar negara digerakkan dengan mengutamakan keseimbangan antara peluang ekonomi dan perlindungan keselamatan rakyat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH